

# Erbinox Terbinafine Hydrochloride Cream 1% w/w

Terbinafine Hydrochloride 1% w/w

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan **ERBINOX**
2. Bagaimana **ERBINOX** berfungsi
3. Sebelum menggunakan **ERBINOX**
4. Cara menggunakan **ERBINOX**
5. Semasa menggunakannya
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan **ERBINOX**
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini

## Apakah kegunaan ERBINOX

Boleh digunakan untuk rawatan jangkitan kulit seperti Athlete's foot, Kurap, Keretakan dan bersisik yang berkaitan dengan gatal-gatal, Melegakan kegatalan, Membakar dan jangkitan kulat lain pada kulit.

## Bagaimana ERBINOX berfungsi

Krim ERBINOX mengandungi Terbinafine Hidroklorida. Ia adalah sejenis antikulat. Krim ERBINOX memusnahkan atau menghalang pertumbuhan kulat, yang menyebabkan jangkitan kulit.

## Sebelum mengambil ERBINOX

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ERBINOX jika anda:

- Jika anda alah kepada Terbinafine Hidroklorida.
- Jika anda alah (hipersensitif) kepada mana-mana bahan lain dalam ubat anda.

- Sebelum anda mula menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ERBINOX:

- Berhati-hati jika anda akan menggunakan ubat ini berhampiran mata anda.

- Kehamilan dan penyusuan badan:

Jika anda hamil atau menyusu, fikir anda mungkin hamil atau merancang untuk melahirkan bayi, minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum

mengambil ubat ini. Anda tidak boleh mengambil ERBINOX jika anda hamil atau berpendapat anda mungkin hamil.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil, atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain. Ini termasuk sebarang ubat yang anda telah beli tanpa preskripsi..

## Cara menggunakan ERBINOX

- Berapa banyak yang perlu digunakan

Sentiasa gunakan Krim ERBINOX tepat seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Minta nasihat dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

- Bila hendak menggunakannya
- Sentiasa gunakan Krim ERBINOX tepat seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

- Berapa lama untuk menggunakannya

Teruskan menggunakan ERBINOX untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakannya

Jika anda terlupa menggunakan ubat ini, gunakannya sebaik sahaja anda ingat. Kemudian seterusnya gunakan ubat ini pada waktu biasa. Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut tentang penggunaan ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah menggunakan terlalu banyak ubat ini.

Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

## Semasa menggunakannya

- Perkara yang anda mesti lakukan

Ambil ubat anda betul-betul seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ERBINOX.

- Perkara yang anda tidak boleh lakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan gunakan sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

## Memandu dan menggunakan mesin

Krim ERBINOX tidak mempunyai pengaruh ke atas keupayaan memandu dan menggunakan mesin.

## Kesan sampingan

Sebagai semua ubat, ERBINOX boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Berhenti menggunakan ERBINOX dan segera berjumpa doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda mesti mendapatkan bantuan perubatan segera jika anda mempunyai mana-mana gejala berikut. Anda mungkin mengalami reaksi alahan:

- Anda mengalami kesukaran bernafas
- Muka atau tekak anda membengkak
- Kulit anda mengalami ruam yang teruk.

# Erbinox Terbinafine Hydrochloride Cream 1% w/w

Terbinafine Hydrochloride 1% w/w

## Kesan sampingan biasa

- Kerengsaan di tapak sapuan (termasuk sakit, terbakar, pedih dan kemerahan kulit)
  - Gatal-gatal
  - Ruam

## - Kesan sampingan yang jarang berlaku

- Kerengsaan mata, Kulit kering, kemerahan dan bengkak pada kulit

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan dengan melayari laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Pengguna → Melaporkan Kesan Sampingan kepada Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)]

## **Penyimpanan dan Pelupusan ERBINOX**

### - Penyimpanan

Jangan simpan melebihi 30 °C. Jangan beku. Jauhi dari kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dibuang melalui air sisa atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### - Rupa dan warna produk

Krim ERBINOX ialah krim putih kepada putih pudar yang terdapat dalam tiub 15g

### - Bahan-bahan kandungan:

#### - Bahan aktif

Bahan aktif dalam Krim ERBINOX ialah Terbinafine Hidroklorida (1.00% w/w), dalam asas krim.

#### - Bahan tidak aktif

Chitosan (Chitopharm-M), Parafin Lembut Putih (Petrolatum Putih), Alkohol Cetostearyl, Polyoxyl 20

Cetostearyl Ether, Parafin Cecair Ringan (Light Liquid Paraffin), Isopropyl Myristate, Propylene Glycol, Benzyl Alcohol, Disodium Edetate, Lactic Acid, Disodium Hydrogen Phosphate and Purified Water.

MAL number: MAL26076015X

No Siri: NPRA (R2) 26/100

## **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

### - Pengilang

**Apex Laboratories Private Limited**  
B-23, SIDCO Pharmaceutical Complex, Alathur-603110, Tamil Nadu, INDIA.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Unimed Sdn. Bhd.  
No.53, Jalan Tembaga SD 5/2B, Bandar Sri Damansara, 52200, Kuala Lumpur, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

27.07.2026